

12 MAR 2000

UMNO SEREMBAN CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAHH

SEREMBAN, 12 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Seremban mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden parti, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Keputusan itu dibuat sebulat suara pada persidangan perwakilan bahagian itu di sini hari ini.

Pemilihan bagi tiga jawatan naib presiden pula dilakukan secara undi sulit dan mereka yang mendapat undi tertinggi ialah Datuk Seri Najib Razak, Datuk Dr Rais Yatim dan Datuk Abdul Ghani Othman.

Bahagian itu turut mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai pengerusi tetap dan Datuk Yahya Shafie untuk jawatan timbalan pengerusi tetap.

Senarai nama 25 calon untuk kerusi Majlis Tertinggi pula ialah Datuk Khalid Yunus, Datuk Ishak Ismail, Datuk Mohamad Hassan, Adam Hamid, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Aziz Shamsuddin, Datuk Radzi Manan, Datuk Malek Hanafiah, Datuk Dr Hilmi Yahaya, Tan Sri Osman Arof, Datuk Dr Affifuddin Omar, Datuk Yaacob Mohamad, Datuk Maznah Hamid, Datuk Azmi Khalid, Datuk Annuar Musa, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Adnan Yaacob, Datuk Fauzi Abdul Rahman, Datuk Tan Mohamed Aminuddin Ishak, Datuk Hasan Arifin, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis dan Datuk Salleh Said Keruak.

-- BERNAMA

AZ LAT